

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 05 JANUARI 2014 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pasangan kekasih mati bogel dalam kereta	Berita Harian
2	Isteri terkedu	Metro Ahad
3	Perlombongan punca ikan mati	Berita Harian
4	Banjir Kilat landa beberapa kawasan Kuching	Bernama.com
5	Amaran angina kencang, laut bergelora berterusan	Bernama.com
6	Gempa bumi sederhana landa utara Halmahera, Indonesia	Bernama.com

Pasangan kekasih mati bogel dalam kereta

Ipoh: Punca kematian seorang lelaki dan seorang wanita dipercaya pasangan kekasih dalam keadaan bogel di sebuah premis perniagaan di Bandar Cyber, dekat sini malam kelmarin, disahkan akibat keracunan gas karbon monoksida.

Loke Yoke Kim, 58, yang juga ahli perniagaan dan wanita berkenaan, Yan Wai Leng, 51, masing-masing ditemui mati di tempat duduk pemandu dan penumpang hadapan dalam sebuah PROTON Wira, kira-kira jam 9 malam.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Sum Chang Keong, berkata mayat

kedua-dua mangsa dibawa ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh untuk bedah siasat.

Gas karbon monoksida

"Laporan bedah siasat mengesahkan kematian mereka berpunca keracunan gas karbon monoksida dan tiada sebarang kesan atau unsur jenayah pada badan masing-masing. Kes setakat ini diklasifikasi mati mengejut, tetapi siasatan lanjut masih dijalankan."

"Sampel darah kedua-dua mangsa juga akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk ujian



Mayat mangsa diangkat selepas dikeluarkan dari sebuah kereta di sebuah premis di Bandar Cyber dekat Ipoh, semalam.

[FOTO IKHWAN MUNIR/BH]

toksikologi, Isnin ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mayat pasangan itu ditemui isteri Yoke Kim yang mencari suaminya di Bandar Cyber selepas lelaki itu tidak pulang ke rumah sejak jam 6 petang Khamis lalu. Isteri mangsa mu-

lanya melihat kepulan asap keluar dari dalam pejabat suaminya dan terpaksa mengumpil pintu premis itu sebelum menemui pasangan terbabit.

Mayat kedua-dua mangsa sudah dituntut keluarga masing-masing, petang semalam.

■ Temui mayat suami bersama wanita lain

Oleh WAN ASRUDI WAN HASAN

wanarsr@mediaprima.com.my
Ipoh

Kelu lidah seorang isteri apabila menemui mayat suaminya dalam keadaan telanjang bersama mayat bogel seorang wanita di dalam kereta di premis kedai di Bandar Cyber, belakang sebuah hotel bajet, dekat sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 9 malam, mayat Loke Yoké Kim, 58, dijumpai di dalam kereta jenis Proton Wira di tempat duduk pemandu manakala wanita dipercayai kekasihnya dikenali sebagai Yan Wai Leng, 51, terbaring di tempat duduk penumpang bahagian depan.

Difahamkan, isteri mangsa mencari suaminya di sekitar Ipoh selepas tidak pulang ke rumah sejak 6 petang Khamis lalu, sebelum menemuinya di tempat kejadian.

Sumber polis berkata, pasangan berkenaan dipercayai mengadakan hubungan seks sebelum ditemui mati dalam keadaan berbogel di dalam kenderaan yang dipercayai milik lelaki berkenaan.

"Siasatan awal mendapati tiada unsur jenayah ditemui di lokasi kejadian. Pemerik-

Isteri terkedu



MAYAT mangsa dibawa keluar oleh anggota polis daripada premis kedai Bandar Cyber.

saan lanjut turut menemui sebuah lagi kereta jenis Proton Iswara milik wanita itu yang diletakkan berhampiran premis kedai berkenaan," katanya.

Menurutnya, mangsa wanita seorang ibu tunggal dipercayai mempunyai seorang anak perempuan berusia 17 tahun.

Sementara itu, Ketua Polis

SUM (kanan) bersama anggotanya memeriksa premis kedai lokasi pasangan kekasih ditemui mati dalam keadaan berbogel.

Daerah Ipoh Asisten Komisioner Sum Chang Keong berkata, mayat mangsa dibawa ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh dan bedah siasat petang semalam mendarati punca kematian disebabkan keracunan gas karbon monoksida.

FAKTA
Isteri mangsa mencari suami selepas tidak pulang ke rumah sejak 6 petang Khamis lalu

"Laporan bedah siasat oleh Dr Ibraq Zhafirin mendapati punca kematian pasangan rakyat tempatan ini adalah keracunan gas karbon monoksida. Tiada kesan pergelutan atau unsur jenayah didapati pada tubuh atau sekitar lokasi mayat mangsa ditemui."

"Mayat kedua-dua mangsa dituntut keluarga masing-masing. Bagaimanapun, sampel darah kedua-dua mangsa akan dihantar ke **Jabatan Kimia Ipoh** untuk analisis ujian toksicology, Isnin ini," katanya.

Menurutnya siasatan lanjut berhubung kejadian masih dijalankan.

Terdahulu, mayat mangsa dijumpai isterinya selepas melihat kepalan asap keluar daripada pejabat suaminya dan terpaksa mengumpil pintu premis di Bandar Cyber lalu mendapati kereta jenis Proton Wira milik suaminya dalam keadaan enjin dan pendingin hawa kenderaan masih hidup.

Di kemudian membuat pemeriksaan dan mendapati suaminya bersama seorang wanita lain dalam keadaan bogel dalam kereta itu, sebelum memaklumkan perkara berkenaan kepada polis. Bagaimanapun, kedua-dua mangsa disahkan meninggal dunia.

Perlombongan punca ikan mati

Muadzam Shah: Pencemaran Sungai Jeram berhampiran penempatan Orang Asli Kampung Buluh Nipis, dekat sini, yang menyebabkan pelbagai spesies ikan mati, baru-baru ini, dipercayai berpunca daripada aktiviti perlombongan sekitar kawasan itu.

Ketua Cawangan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Daerah Rompin, Mazlina Sulong, berkata siasatan awal mendapati kebanyakan ikan mati berpunca daripada kelodak lumpur kesan pencemaran sungai itu.

Ini kerana, katanya, periksaan mendapati perut bangkai ikan dipenuhi lumpur.

"Sampel bangkai ikan sudah diantar ke **Jabatan Kimia** untuk analisis. Kita menjangkakan keputusan ujian itu diperoleh selewat-



Seorang penduduk Kampung Buluh Nipis menunjukkan **ikan yang mati** akibat pencemaran di Sungai Jeram, Muadzam Shah.

“
Kebanyakannya lombong yang beroperasi di sekitar perkampungan itu membabitkan aktiviti perlombongan di kawasan tidak melebihi 250 hektar. Jadi, ia di bawah bidang kuasa JMG”

Mazlina Sulong,
Ketua Cawangan
Alam Sekitar Jabatan Alam
Sekitar Daerah Rompin

lewatnya awal bulan depan," katanya ketika dihubungi.

Akhir bulan lalu, ratusan bangkai ikan spesies tapah, belida, kaloi dan udang terapung di permukaan Sungai Jeram, dipercayai akibat pencemaran.

Kejadian itu disedari penduduk Orang Asli yang kebetulan turun ke sungai untuk mengangkat bubu. Berikutnya itu, mereka memaklumkan kepada Tok Batin, Mohsonim Hassan, yang kemudian menghubungi Jabatan Perikanan dan JAS.

Lima syarikat beroperasi
Difahamkan, ada lima syarikat perlombongan bijih besi beroperasi berhampiran sungai itu.

Mazlina berkata, JAS tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan susulan ke atas pemilik lombong itu, tetapi boleh memberikan nasihat kepada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) untuk tindakan lanjut.

Katanya, JAS hanya boleh mengambil tindakan terhadap pengusaha lombong yang beroperasi di kawasan seluas 250 hektar ke atas.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 5 JANUARI 2014 (AHAD)



Banjir Kilat Landa Beberapa Kawasan Kuching

KUCHING, 5 Jan (Bernama) -- Beberapa kawasan di bandar raya ini dilanda banjir kilat, Ahad berikutan hujan lebat selama beberapa jam sejak 3 petang.

Keadaan itu menyebabkan kawasan dan jalan raya di Batu Kawa, Matang dan Gita ditenggalami air tetapi masih boleh dilalui kenderaan.

Air banjir itu mulai surut pada kira-kira 6.30 petang dan keadaan reda pada kira-kira 7 malam dan tiada kejadian yang tidak diingini dilaporkan.

Jabatan Meteorologi meramalkan keadaan cuaca lembap dan hujan ini akan berterusan di seluruh Sarawak untuk beberapa hari lagi berikutan kehadiran kelompok awan hampir di semua bahagian di negeri ini.

Dalam pada itu jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sarawak berkata seramai 291 orang mangsa banjir masih ditempatkan di tiga pusat pemindahan di negeri itu sehingga sebelah petang.

Jurucakap itu berkata di Bintulu, jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di Dewan Sukan Tatau ialah 99 orang daripada 27 keluarga.

Dua lagi pusat pemindahan ialah di Miri iaitu Dewan Masyarakat Bakum, Marudi yang menempatkan 132 orang daripada 30 keluarga dan di Sekolah Kebangsaan Kampung Iran, Suai membabitkan 60 mangsa daripada 18 keluarga.

Sementara itu, MKN Sarawak sedang memantau keadaan paras air yang sedang meningkat di kawasan Batu Kawa di Kuching ekoran hujan pada sebelah petang.

"Jika keadaan memerlukan sebuah pusat pemindahan akan dibuka untuk memindahkan mangsa banjir dari kawasan berkenaan," katanya.

--BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 5 JANUARI 2014 (AHAD)



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Berterusan

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora kategori pertama yang kini melanda perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur, Samui, Tioman dan Bunguran dijangka berterusan sehingga Isnin.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** pada Ahad, angin dengan kelajuan dari 40 kmsj dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter itu, berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Kenyataan itu juga menyebut angin kencang dan ribut bergelora kategori kedua yang melanda perairan Condore dan Reef North turut dijangka berterusan sehingga Jumaat.

Keadaan angin kencang yang bertiup dari 50 kmsj serta ombak setinggi 4.5 meter itu, berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkапalan termasuk pekerja di pelantar minyak.

Aktiviti ribut petir yang berlaku di kawasan perairan Selangor, Johor Timur, Pahang, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah (Pantai Barat) dan Bunguran juga dijangka berterusan sehingga lewat malam ini.

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 5 JANUARI 2014 (AHAD)



Gempa Bumi Sederhana Landa Utara Halmahera, Indonesia

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter melanda utara Halmahera, Indonesia pada 7.44 Ahad malam.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, gempa bumi itu berpusat di 198km tenggara Kepulauan Talaud, Indonesia dan 1,066km tenggara Semporna, Sabah.

Bagaimanapun, gempa itu tidak membawa ancaman tsunami.

--BERNAMA